

Mendepani Cabaran Kehidupan Selepas Pengajian Pra-universiti

Azra Zainol Rashid, Norlizah Che Hassan, dan Nur Raihan Che Nawi

Abstrak - Dalam dunia VUCA kini, sangat penting untuk meneroka cabaran yang perlu didepani oleh pelajar lulusan prauniversiti. Hal ini kerana prauniversiti merupakan medan transisi daripada dunia sekolah kepada dunia yang menitikberatkan pembelajaran kendiri sebagai kaedah pemerolehan ilmu. Kajian terdahulu dalam aspek ini tidak dilakukan secara menyeluruh, sekaligus merentangkan usaha berterusan dalam melahirkan warganegara Malaysia yang berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara sebagaimana termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kajian perpustakaan ini dilakukan bertujuan mengkaji dokumentasi yang berkaitan cabaran-cabaran kehidupan yang perlu didepani oleh pelajar lulusan prauniversiti. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti cabaran-cabaran yang bakal dihadapi pelajar selepas pengajian prauniversiti mereka. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat tiga tema berkaitan cabaran yang perlu didepani agar mereka lebih bersedia menghadapi cabaran selepas pengajian iaitu tujuan (purpose), hubungan (connections) dan gaya hidup (lifestyle). Di samping itu, terdapat 13 sub tema yang lebih terperinci diperoleh antaranya pemilihan universiti dan kerjaya, cabaran teknologi termasuk jenayah siber serta terjebak dengan keldai akaun serta love scammer dan cabaran memperkasakan agama sebagai cara hidup menjadi intipati penting persediaan mereka. Justeru, perhatian serius diperlukan dengan membimbing pelajar prauniversiti secara pementoran tentang cabaran-cabaran yang perlu mereka depani bagi membentuk masa depan Malaysia yang lebih bermakna selaras dengan hasrat mencapai kesejahteraan diri dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Keywords - Transisi prauniversiti, Cabaran kehidupan, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Persediaan selepas pengajian.

I. PENGENALAN

Persediaan pelajar selepas pengajian prauniversiti untuk mendepani cabaran selepas tamat pengajian merupakan aspek kritikal dalam kajian ini. Menurut Abd. Lateef (2023) semasa memberi ucaptama di Persidangan Antarabangsa ke-4 mengenai Belia 2023 (ICYOUTH) 2023, terdapat tiga perkara penting untuk direkayasa dalam diri seseorang belia iaitu tujuan (purpose), hubungan (connections) dan gaya hidup (life style). Dan ketiga-tiga perkara ini, merupakan tema yang diketengahkan dalam kajian ini. Ini adalah kerana dalam dunia VUCA ini, kehidupan pelajar setelah menamatkan pengajian sama ada di peringkat sekolah, prauniversiti malah universiti adalah amat rapuh. Cabaran seperti pemilihan universiti dan kerjaya, cabaran teknologi termasuk jenayah siber serta terjebak dengan keldai akaun serta love scammer dan cabaran memperkasakan agama

sebagai cara hidup perlu diambil peduli oleh pelajar-pelajar ini. Ia selari dan diterangkan dengan lebih mendalam oleh Jailani et al. (2020), bahawa isu utama yang dihadapi oleh pelajar kolej prauniversiti ialah hubungan antara peribadi dan psikologi mereka, moral dan agama, hubungan sosial-psikologi, kesihatan dan pembangunan fizikal, rumah dan keluarga, kurikulum dan prosedur pengajaran, aktiviti sosial dan rekreasi, kewangan, keadaan hidup dan pekerjaan, pacaran, seks dan perkahwinan. Turut diketengahkan ialah trend hasil, pengawasan manusia dan penyalahgunaan perlu diambil kira (Kasneci et al., 2023). Tugas paling mencabar yang dihadapi oleh pendidik ialah mengajar pelajar mereka cara berinteraksi secukupnya sebagai warganegara yang aktif dan komited dalam masyarakat global yang berpengetahuan luas. Selain itu, institusi pendidikan perlu mengambil kira pengetahuan pelajar tentang teknologi digital supaya mereka boleh membangunkan model pendidikan baharu yang memenuhi keperluan semasa (Monroy et al., 2020).

II. SOROTAN LITERATUR

Secara umum, pelajar prauniversiti mungkin mengetahui pelbagai cabaran selepas pengajian mereka. Menurut Munir et al. (2019), apabila menyentuh cabaran ini, pelajar harus berusaha mencari penyelesaian untuk menyelesaikan sebarang masalah. Cabaran akademik dalam kalangan pelajar memberikan tekanan dalam pilihan kerjaya dan peluang pekerjaan (Hanna et al., 2018).

Beberapa kajian tiga tahun kebelakangan ini yang menyiasat cabaran yang dihadapi oleh pelajar pra-universiti dan universiti telah dikumpulkan merujuk kepada *Google Scholar* dan hasilnya menepati tiga tema utama cabaran. Daripada tema-tema tersebut, ia boleh dipecahkan 13 subtema menyentuh dengan lebih terperinci mengenai cabaran yang dihadapi oleh pelajar prauniversiti terutamanya apabila tamat pengajian.

Kaedah pembelajaran

Kaedah pembelajaran dalam kalangan pelajar adalah berbeza mengikut umur. Malah setiap individu mempunyai cara belajar yang berbeza. Cabaran ini turut dihadapi semasa berada dalam tempoh pengajian mereka semasa dan selepas tamat pengajian prauniversiti. Salah satu matlamat utama dalam pendidikan prauniversiti adalah untuk memberikan akses yang saksama kepada pendidikan universiti. Ini adalah penting kerana pelajar yang lemah dari segi akademik boleh mendapat manfaat yang lebih besar daripada program prauniversiti. Kecerdasan emosi pelajar, terutamanya dalam hubungan interpersona dan intrapersona, memainkan peranan penting dalam prestasi akademik mereka dalam program prauniversiti. Walau bagaimanapun, pentafsiran mengenai pembelajaran sendiri adalah lebih rumit dan perlu

dikaji lebih lanjut untuk memahami sepenuhnya hubungannya dengan prestasi akademik. (Okwuduba et al., 2021). Adalah disyorkan bahawa pengajar harus menggunakan pelbagai kaedah pengajaran untuk menggalakkan penglibatan pelajar mengikut bidang pengajian mereka (Halif et al., 2020).

Melanjutkan Pengajian Selepas Prauniversiti

Cabaran memilih bidang pengajian yang sesuai di universiti selepas tamat pengajian di prauniversiti boleh menjadi dilemma dalam kalangan pelajar. Kajian Areces & Rodríguez (2022), untuk menganalisis sebab dan sumber yang paling relevan adalah sesuatu yang kritikal. Pemilihan universiti adalah perancangan yang sangat penting dalam mendepani cabaran kehidupan seseorang pelajar. Ini disokong oleh Al Tamimi et al. (2023) yang menyatakan, oleh kerana kadar dan perbezaan yang ketara dalam pendidikan tinggi, memilih universiti yang paling sesuai dengan matlamat pelajar adalah penting. Setelah pemilihan dibuat, cabaran di universiti turut melamar mereka. Faktor akademik adalah pemacu utama tekanan di kalangan pelajar universiti. (Johari & Ahmad, 2019). Ini turut diakui Mohd Helmi et al. (2016) yang menyatakan prospek kerjaya juga merupakan pertimbangan penting dalam memilih bidang pengajian.

Pembangunan diri

Semakin seseorang individu meningkat dewasa, peluang untuk memperbaiki diri dalam aspek kemahiran, kepimpinan, dan pembinaan diri perlu dilengkappkan secara holistik. Remaja merupakan tunggak dan harapan bangsa pada masa hadapan. Golongan ini merupakan generasi muda yang bakal meneraju kepimpinan negara pada masa hadapan. Sekiranya generasi ini rosak, maka akan berlakunya kerosakan pada pentadbiran dan pemerintahan negara masa akan datang (Rahman et al., 2022). Falsafah Pendidikan Kebangsaan harus menjadi sandaran utama dalam menyantuni sisa-siswi prauniversiti.

Kewangan

Kewangan adalah instrumen penting untuk meneruskan kesinambungan hidup selepas tamat pengajian. Cabaran kewangan untuk menjaga kos pengajian, kos sara hidup, dan kemungkinan perlu meminjam untuk melanjutkan pelajaran. Keperluan untuk mendapatkan biasiswa, beban kewangan juga memberi kesan kepada kehidupan. (Ramachandiran & Dhanapal 2018). Pengurusan kewangan yang tidak sistematik akan mendorong kepada masalah seperti ketirisan kewangan, penyelewengan dan ketidakstabilan kewangan. Perkara ini akan mendatangkan impak yang negatif terhadap generasi milenial untuk menguruskan kewangan dalam kehidupan sehari-hari mereka dengan baik (Hassim & Ramli, 2022). Justeru, mengambil ringan tentang kewangan dari segi pengurusannya boleh membantu dalam pembangunan negara secara tidak langsung.

Masuk ke dalam komuniti

Manusia adalah makhluk sosial. Pelajar prauniversiti seharusnya sudah ada skil ini. Penting untuk memasukkan pendidikan sosialisasi yang memberi tumpuan kepada kognitif dan memupuk sikap positif (Khalisharani, 2022). Menyesuaikan diri dengan persekitaran sosial yang berbeza setelah meninggalkan pengajian seawal tadika sehingga universiti, proses bersosial berlaku dan memahami peranan anggota masyarakat yang bertanggungjawab adalah sesuatu yang pasti. Jusoh & Embong (2021) mendapati cabaran dalam memperkuuh masyarakat superdiversiti merangkumi aspek etnik, agama, budaya, sosioekonomi, politik dan pendidikan. Pendekatan yang bijaksana dan kerjasama daripada semua pihak diperlukan bagi menghadapi cabaran ini seterusnya mengekalkan kesepadan sosial. Malah menyesuaikan diri dalam komuniti turut melibatkan ketika mula memasuki prauniverisiti. Kajian di Institut Pendidikan Guru menurut Besar et al. (2020), menyatakan bahawa tahap penyesuaian akademik dan sosial pelajar tahun pertama PPISMP di IPG adalah mudah. Selain itu, pelajar juga menghadapi cabaran penyesuaian akademik dan sosial. Dalam menangani cabaran ini, pelbagai strategi telah digunakan seperti optimis, mendapat sokongan, membuat rancangan dan membuat perubahan.

Kerjaya

Aspek kerjaya juga memberikan cabaran yang perlu dihadapi oleh pelajar. Malah seawal tamat sekolah lagi, kerjaya dilihat menjadi keutamaan dalam kalangan pelajar. Pesa et al. (2020) menyatakan bahawa pelajar tidak bersedia untuk memasuki dunia kerjaya. Mempunyai kerjaya yang sesuai merupakan cabaran bagi pelajar setelah tamat pengajian mereka. Perkara yang perlu dielakkan atau sekurang-kuranya dikurangkan adalah pengangguran. Pengangguran yang berlaku kini amat membimbangkan walaupun berlaku penurunan. Menurut Aun (2022), pengangguran belia menimbulkan cabaran mendesak bagi Malaysia. Bila sudah mempunyai kerjaya, aspek cabaran semakin meruncing. Semakin tinggi beban kerja dan konflik peranan yang dirasakan oleh pekerja, semakin kurang keseimbangan kerja-kehidupan yang mereka nikmati. (Omar, Mohd, & Ariffin, 2015).

Keluarga

Setiap ahli dalam keluarga memainkan peranan penting dalam kehidupan. Menyesuaikan diri dengan perubahan dinamik keluarga selepas tamat pengajian prauniversiti dan menjalankan tanggungjawab sebagai ahli keluarga. Keluarga adalah institusi asas dalam pembinaan negara. Namun membina keluarga perlu diperkasakan. Ia bukan semata-mata keinginan untuk berkeluarga. Jika tidak dirancang dengan baik, ia boleh mengundang sesuatu yang negatif dalam berkeluarga. Kajian terkini menunjukkan bahawa beberapa faktor yang mempengaruhi kenakalan termasuk penglibatan ibu bapa, pemisahan ibu bapa, tekanan rakan sebaya, terlibat dalam geng jenayah, dan penglibatan ibu bapa dalam jenayah. Penemuan menunjukkan bahawa ibu bapa dan remaja memerlukan bimbingan dan kaunseling

untuk membantu mereka menghadapi cabaran hidup dan meningkatkan kemahiran sosial dan emosi mereka (Zakaria et al., 2022). Selain itu, masalah keluarga juga memberi kesan kepada kehidupan. (Ramachandiran & Dhanapal 2018).

Kesihatan fizikal dan Mental

Dunia dikejutkan dengan Covid 19. Rakyat Malaysia pastinya turut terkesan secara fizikal malah mental. Menguruskan kesihatan fizikal dan mental dengan cara yang seimbang untuk mengatasi tekanan dan cabaran dalam kehidupan selepas pengajian prauniversiti adalah suatu keperluan. Kesihatan mental pelajar Malaysia adalah mencabar, dan mencari bantuan bagi mereka adalah rendah kerana stigma (Kotera & Ting., 2021). Kajian mengenai cabaran kehidupan, Jaafar et al. (2021), menyatakan bahawa faktor penentu matlamat adalah faktor perkembangan psikososial yang paling stabil. Menyentuh tentang kesihatan fizikal, Malaysia dijangka mendapat status negara tua pada tahun 2030. Penuaan penduduk berlaku apabila penambahan jangka hayat penduduk dan berlakunya penurunan kadar kesuburan. Peningkatan jumlah warga tua adalah hasil daripada perkembangan kemudahan kesihatan, kemajuan teknologi, kesedaran penduduk terhadap kepentingan penjagaan kesihatan, peningkatan taraf pendidikan, dan pekerjaan (Adnand et al., 2021). Untuk membantu remaja menjadi orang yang berharga, pakar kesihatan awam dan ahli psikologi sekolah mesti dilantik (Zakaria et al., 2022).

Motivasi diri

Mengekalkan motivasi diri yang tinggi dalam mengatasi rintangan dan mencapai matlamat pendidikan dan kerjaya adalah suatu keperluan yang mendesak. Adalah dicadangkan bahawa motivasi harus diperkaya dalam kalangan pelajar untuk menghasilkan penglibatan kelas pelajar yang lebih tinggi. (Halif et al., 2020). Ketika ini, motivasi diri tidak dijadikan satu silibus formal. Ia hanya dilakukan sekadar aktiviti sokongan atau berkala.

Simpanan

Menabung dengan bijak untuk menjangka keperluan kewangan masa depan dan menjangkakan ketidakstabilan ekonomi adalah sangat penting. Menurut Khalisharani (2022), adalah penting untuk memasukkan pendidikan kewangan yang memberi tumpuan kepada kognitif dan memupuk sikap positif. Budaya menyimpan ini memerlukan sokongan dan undang-undang yang lebih kuat daripada kerajaan dan pemegang taruh yang berkaitan.

Politik

Keadaan politik dalam kalangan pengundi muda dilihat semakin baik. Ini dibuktikan dengan peratus keluar mengundi bagi golongan ini. Namun memahami isu-isu politik dan bertindak sebagai warga negara yang bijak dalam proses pembinaan negara adalah penting diketengahkan. Kajian yang diperoleh daripada Institut Kajian Etnik (KITA) dengan mengambil kira 1349 orang pelajar dari lima buah

universiti penyelidikan mendapati 764 atau 56.6% tahap pengetahuan politik mereka adalah pada tahap rendah (Zan et al., 2016). Manakala tahap kefahaman politik pula adalah pada tahap sederhana (64.3%).

Teknologi

Generasi yang hidup ketika ini tidak dapat lari daripada teknologi. Menyesuaikan diri dengan kemajuan teknologi dan menggunakan untuk pembelajaran dan pengembangan kerjaya adalah sesuatu yang kritikal dan perlu difokuskan. Teknologi kini dimanipulasi untuk kegiatan jenayah dalam pelbagai cara terutama dalam talian. Pelajar prauniversiti perlu berhati-hati dengan ancaman ini. Sebagai contoh, gangguan seksual siber adalah satu jenayah yang perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak kerana dengan bantuan teknologi zaman sekarang, semua individu yang berada dalam talian berpotensi untuk menjadi mangsa kepada gangguan seksual siber tanpa mengira demografi seseorang. (Pitchan et al., 2023). Satu lagi hasil kajian Razak et al. (2021) mendapati gejala pornografi ini semakin meningkat malah mempengaruhi akhlak dan pemikiran manusia terutama dalam kalangan remaja berusia dalam lingkungan 11 hingga 22 tahun. Beralih kepada buli siber pula, buli siber adalah masalah serius yang mempengaruhi banyak remaja, termasuk di Malaysia, dan artikel ini membahas bagaimana perilaku komunikasi yang kurang sopan dalam perbualan maya dapat memburukkan lagi situasi ini. Justeru, dalam dunia tanpa sempadan ini, faktor kecaknaan dalam menggunakan teknologi perlu didekahkan secara intensif.

Asas agama

Akhirnya, mengekalkan kecemerlangan dalam amalan agama dan mengintegrasikan nilai-nilai agama ke dalam kehidupan sehari-hari adalah sesuatu perkara asas yang perlu bagi diri kita. Kajian Ismail (2019) menentukan asas bagi keperluan untuk mewujudkan model khusus untuk pembangunan kehidupan keagamaan supaya pemberdayaan boleh dilaksanakan secara berkala dengan pengawasan universiti. Oleh itu, untuk membolehkan pelajar memperkuatkan pegangan agama mereka, pendekatan formal perlu diteruskan.

Solat merupakan aspek paling pokok bila menyentuh tentang asas pegangan agama. Kajian di UiTM Shah Alam, secara keseluruhan peratusan mahasiswa yang mendirikan solat fardhu cukup lima waktu ialah sebanyak 49.69%. Ini bermakna 50.30% mahasiswa pernah meninggalkan solat fardhu manakala bagi solat subuh, peratusan yang kerap meninggalkannya lebih tinggi daripada yang sesekali meninggalkannya. (Mohd Mansor, 2021). Kajian di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin di Perlis menunjukkan peratusan tertinggi pelajar selalu menunaikan solat adalah bagi fardhu maghrib iaitu sebanyak (60%) dan fardhu Isyak sebanyak (57%). Manakala peratusan terendah pelajar selalu menunaikan solat ialah bagi fardhu zohor (50%) diikuti fardhu subuh (51%) dan asar sebanyak (54%). Ini menunjukkan peratusan pelajar meninggalkan fardhu zohor, subuh dan asar agak tinggi. (Ahmad, N. 2019).

III. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan dengan mengkaji dokumentasi secara menyeluruh. Sumber rujukan utama telah dipilih ialah buku akademik, artikel dari jurnal, dan kertas kerja persidangan atau seminar. Dokumen yang digunakan terdiri daripada sumber rujukan bercetak dan elektronik yang diambil daripada laman sesawang berautoriti seperti Google Scholar, dan perpustakaan yang terlibat termasuk Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia.

IV. DAPATAN

Kaedah pembelajaran

Setiap pelajar prauniversiti mempunyai cara pembelajaran yang tersendiri. Kepelbagaiannya kaedah pembelajaran yang disesuaikan dengan umur dan keperibadian individu, cabaran dalam pemahaman mengenai pembelajaran sendiri, pentingnya kecerdasan emosi dalam prestasi akademik prauniversiti, dan keperluan untuk penggunaan pelbagai kaedah pengajaran bagi memperkuatkannya penglibatan pelajar mengikut bidang pengajian mereka.

Melanjutkan Pengajian Selepas Prauniversiti

Setelah tamat pengajian prauniversiti, pelajar akan menanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih ini. Justeru pemilihan pengajian yang memenuhi permintaan pasaran adalah sesuatu perkara yang perlu diberi penelitian. Hasil kajian mendapati bahawa pemilihan bidang pengajian di universiti selepas prauniversiti merupakan dilema penting bagi pelajar, yang pentingnya ditekankan oleh Areces & Rodríguez (2022) serta Al Tamimi et al. (2023) yang meletakkan kepentingan memilih universiti yang sesuai dengan matlamat individu, sementara cabaran di universiti, terutamanya tekanan akademik seperti yang dinyatakan oleh Johari & Ahmad (2019), turut diperhatikan. Helmi et al. (2016) menegaskan bahawa pertimbangan prospek kerjaya turut menjadi faktor penting dalam proses pemilihan bidang pengajian.

Pembangunan diri

Setiap individu yang mempunyai karakter, persepsi, penilaian dan pandangan yang tersendiri. Ia banyak bergantung kepada persekitaran yang telah diadaptasi sejak kecil. Dapatkan kajian dapat disimpulkan bahawa pembangunan holistik remaja dalam aspek kemahiran, kepimpinan, dan pembinaan diri sangat penting, kerana mereka merupakan generasi masa depan yang akan membawa kepimpinan negara, dan pentingnya Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai asas dalam membimbing pelajar terutamanya ketika berada di peringkat prauniversiti.

Kewangan

Aspek kewangan merupakan mauduk paling kritikal dan memerlukan perhatian terutamanya pelajar prauniversiti.

Dunia yang akan diterokai setelah tamat pengajian kelak adalah dunia VUCA. Dapatkan daripada tinjauan literatur ini menunjukkan bahawa cabaran kewangan selepas pengajian tinggi mendorong kepada keperluan pengurusan yang sistematik. Pengabaian dalam hal ini boleh mengakibatkan kesan negatif terhadap generasi milenial dalam mengurus kewangan mereka malah boleh menghalang pembangunan negara.

Masuk ke dalam komuniti

Dunia semasa belajar tidak sama dengan dunia selepas prauniversiti dan juga dunia universiti. Pengadaptasian ke dalam masyarakat adalah satu kemestian. Kajian mendapati bahawa pelajar prauniversiti menghadapi cabaran dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran sosial yang berbeza. Ia merangkumi aspek etnik, agama, budaya, sosioekonomi, politik, serta pendidikan sehingga memerlukan pendekatan bijaksana serta kerjasama semua pihak untuk memelihara kesepadan sosial. Kajian di Institut Pendidikan Guru menunjukkan bahawa pelajar tahun pertama mengalami tahap penyesuaian akademik dan sosial yang secara keseluruhan adalah mudah, namun cabaran yang memerlukan penggunaan pelbagai strategi termasuk sikap optimis, sokongan, perancangan, dan adaptasi adalah penting.

Kerjaya

Pemilihan kerjaya yang menepati keperluan dalam bermasyarakat adalah kritis dan perlu dilakukan secara komprehensif dan bukan sekadar tangkap muat. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar menghadapi cabaran dalam memilih dan mempersiapkan kerjaya selepas pengajian, dengan isu pengangguran dan ketidakseimbangan kerjakehidupan menjadi fokus utama dalam persepsi dan realiti kehidupan kerjaya mereka.

Keluarga

Kehidupan tidak kurang penting selepas pengajian prauniversiti dan juga universiti ialah membina keluarga. Peranan setiap ahli dalam keluarga selepas tamat pengajian prauniversiti memainkan aspek penting dalam menyesuaikan diri terhadap perubahan dinamik keluarga. Kajian juga menekankan perlunya bimbingan ibu bapa dan remaja untuk menghadapi cabaran hidup serta meningkatkan kemahiran sosial dan emosi.

Kesihatan fizikal dan Mental

Apabila memasuki usia remaja dan selepas remaja, aspek kesihatan adalah aspek yang perlu diberi penekanan. Berdasarkan tinjauan literatur, keperluan mendesak untuk menangani cabaran kesihatan fizikal dan mental pelajar selepas pengajian prauniversiti di Malaysia, dengan stigma terhadap bantuan kesihatan mental yang rendah, sambil menekankan faktor psikososial sebagai penentu matlamat yang penting dan cabaran besar dalam menghadapi penuaan penduduk Malaysia menjelang tahun 2030.

Motivasi diri

Manusia tidak mudah berubah dan akan berada dalam keadaan selesa jika tidak diberi penekanan. Malah jika berlaku cabaran-cabaran tertentu dalam kehidupan pelajar prauniversiti dan selepasnya, seseorang memerlukan tolakan dalam bentuk motivasi untuk berubah. Keperluan yang mendesak untuk memperkaya motivasi diri pelajar. Ini dapat meningkatkan penglibatan kelas yang lebih tinggi, sambil menyoroti kekurangan integrasi motivasi diri ke dalam keadaan yang lebih formal, sering kali hanya dilakukan sebagai aktiviti sokongan atau berkala (Halif et al., 2020).

Simpanan

Mempunyai pengetahuan kepentingan menyimpan atau bertabung akan memberikan nafas yang berpanjangan dalam kehidupan selepas pengajian. Dapatan yang diperoleh menunjukkan kepentingan pendidikan kewangan yang fokus pada aspek kognitif dan pembentukan sikap positif dalam menyokong budaya menabung, dengan penekanan pada perlunya sokongan yang lebih kukuh dari pihak kerajaan dan pemegang taruh yang relevan, sejajar dengan kajian Khalisharani (2022).

Politik

Politik sesebuah negara perlu difahami dan dicakna agar tidak jumud dalam diri. Berdasarkan tinjauan literatur yang melibatkan 1349 orang pelajar dari lima universiti penyelidikan, dapatan menunjukkan bahawa 56.6% daripada mereka memiliki tahap pengetahuan politik yang rendah, manakala 64.3% mempunyai tahap kefahaman politik yang sederhana (Zan et al., 2016), menyoroti keperluan meningkatkan pemahaman politik dalam kalangan pengundi muda untuk memperkasakan peranan mereka sebagai warga negara yang bertanggungjawab dalam pembinaan negara.

Teknologi

Kesedaran teknologi walaupun belum bersedia, seseorang individu perlu cakna dengan pelbagai cabaran teknologi agar tidak dimanipulasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab. Dapatan dari tinjauan literatur ini menunjukkan bahawa adaptasi terhadap kemajuan teknologi merupakan keperluan penting dalam pendidikan prauniversiti, dengan perhatian khusus terhadap risiko jenayah siber seperti gangguan seksual, peningkatan gejala pornografi yang mempengaruhi pemikiran remaja, serta kesan buruk perilaku komunikasi dalam buli siber yang memerlukan pemahaman mendalam dan kesedaran yang lebih besar dalam penggunaan teknologi.

Asas agama

Akhirnya sekali, apapun yang bakal dilakukan oleh seseorang inividu, pastinya ia akan berbalik kepada asas pegangan agama sebagai pengikat ke jalan yang lurus. Dapatan daripada tinjauan literatur menunjukkan keperluan untuk model khusus dalam pembangunan kehidupan keagamaan di universiti, dengan penekanan terhadap

pemeliharaan solat fardu dalam kalangan pelajar, yang menunjukkan pelbagai tahap pematuhan di antara pelajar universiti dan politeknik di Malaysia, yang memperlihatkan keperluan pendekatan formal dalam memperkuatkan pegangan agama mereka.

V. PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

JADUAL 1: CABARAN KEHIDUPAN LULUSAN PRAUNIVERSITI

Tujuan (Purpose)	Hubungan (Connections)	Gaya Hidup (LifeStyle)
Fundamental of Religion	Family	Finance
Learning Methods	Community	Physical/Mental Health
Continuing Studies	Technology	Saving
Self-Development		Politic
Motivation		
Career		

Jadual 1 ini memperlihatkan tiga tema utama, iaitu Tujuan (Purpose), Hubungan (Connections), dan Gaya Hidup (Lifestyle), yang masing-masing dibahagikan kepada beberapa subtema. Perbincangan mengenai tema Tujuan menekankan aspek seperti Fundamental of Religion yang menyoroti kepentingan nilai-nilai agama dalam kehidupan, Learning Methods yang menghubungkan pembelajaran dengan tujuan hidup, Continuing Studies yang menekankan pembelajaran berterusan, dan Self Development yang menggariskan pentingnya pengembangan diri. Sementara itu, tema Hubungan menitikberatkan peranan keluarga dalam Family, hubungan dengan masyarakat dalam Community, dan pengaruh teknologi dalam Technology. Tema terakhir, Gaya Hidup, membincangkan aspek kewangan, kesihatan fizikal dan mental, pentingnya penyimpanan dana, dan bagaimana faktor politik mempengaruhi gaya hidup seseorang. Secara keseluruhan, perbincangan ini menunjukkan bagaimana ketiga-tiga tema ini saling berkaitan dalam membentuk keseluruhan kehidupan individu dan menekankan pentingnya pendekatan holistik dalam mencapai kesejahteraan yang berkekalan.

Kendatipun tiga tema ini merupakan pencerahan yang amat penting kerana ia melibatkan suatu jangka masa kehidupan separuh atau lebih usia seseorang perlu dilakukan secara terbimbing, terarah dan bermodul namun ia perlu dilakukan secara pementoran yang tersusun dan perlu bersifat lebih daripada sekadar *one-off*.

Secara kesimpulan kajian ini, dapat dinyatakan bahawa cabaran kehidupan selepas pengajian prauniversiti merupakan realiti yang kompleks yang memerlukan perhatian. Kajian ini mengidentifikasi cabaran kewangan, pekerjaan, peralihan ke dewasa, serta impak sosial dan mental yang signifikan. Dalam menangani cabaran ini, graduan melibatkan pelbagai strategi seperti peningkatan kecekapan kewangan, kesedaran tentang diri, penambahbaikan kemahiran kerja, dan sokongan sosial. Ke arah penyelesaian yang lebih baik, penekanan pada pendidikan kesedaran dan sokongan berterusan adalah penting untuk membantu graduan menghadapi cabaran ini dengan lebih keyakinan dan keupayaan.

PENGHARGAAN
Kementerian Pendidikan Malaysia.

RUJUKAN

- Adnand, F. E. M., Rose, R. A. C., Aiyub, K., Lyndon, N., & Hussain, M. Y. (2021). Kesedaran kesihatan mempengaruhi kadar penuaan di bandaraya Kuala Lumpur.
- Ahmad, N. (2019). Pengamalan solat fardhu dalam kalangan pelajar Pengurusan Dalam Islam, Jabatan Perdagangan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis (PTSS).
- Al Tamimi, N. N. M., Al Mashrafi, O. M. S., & Thottoli, M. M. (2023). Exploring the Factors that Influence University Selection: Insights from College Students. *Journal of Business and Management Review*, 4(6), 439-454.
- Aun, L. H. (2020). Unemployment among Malaysia's youth: Structural trends and current challenges.
- Besar¹, T. N. T., Ahmad, N. S., & Hashim, S. (2020). Transisi pelajar tahun pertama di institut pendidikan guru: Cabaran dan strategi penyesuaian akademik dan sosial. *Jurnal IPDA*, 27, 91-110.
- Halif, M. M., Hassan, N., Sumardi, N. A., Omar, A. S., Ali, S., Aziz, R. A., ... & Salleh, N. F. (2020). Moderating effects of student motivation on the relationship between learning styles and student engagement. *Asian Journal of University Education*, 16(2), 93-103.
- Hana, C., Zuhdy, N., & Widyasih, H. (2018, February). Stres psikososial dan kejadian fluor albus patologis pada santri. In *Jurnal Forum Kesehatan: Media Publikasi Kesehatan Ilmiah* (Vol. 8, No. 1, pp. 9-14).
- Hassim, N., & Ramli, Z. (2022). Pengurusan Kewangan Generasi Milenial Di Seremban 2, Seremban, Negeri Sembilan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(2), 1-13.
- Mohd Helmi Ali, Azman Ismail, Norhidayah Suleiman, and Mohammad Azrul Tajudin. (2016). faktor pemilihan kerjaya di kalangan pelajar universiti Kebangsaan Malaysia: satupanduan untuk industri. *Jurnal Personalia Pelajar*, December: 8–15.
- Ismail, N., Bakar, N. H., Majid, M. A., & Kasan, H. (2019). Pengamalan hidup beragama dalam kalangan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam di Malaysia: Religious practice among students of Islamic Institutes of Higher Education (IPTI) in Malaysia. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 78-93.
- Jailani, O., Adli, A. H. T., Amat, M. A. C., Othman, S. M., Deylami, N., & Rahim, N. S. A. (2020). The Self-Perceived Problems among Malaysian Pre-University Students: Implications for College Counselling. *Asian Journal of University Education*, 16(3), 112-124.
- Johari, M. A., & Ahmad, S. (2019). Persepsi tekanan akademik dan kesejahteraan diri di dalam kalangan pelajar universiti di Serdang, Selangor. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 5(1), 24-36.
- Jusoh, L. M., & Embong, Z. (2021). Cabaran Memperkuuh Kesepadan Sosial dalam Masyarakat Superdiversity di Malaysia. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*.
- Kasneci, E., Seßler, K., Küchemann, S., Bannert, M., Dementieva, D., Fischer, F., ... & Kasneci, G. (2023). ChatGPT for good? On opportunities and challenges of large language models for education. *Learning and Individual Differences*, 103, 102274.
- Khalisharani, H., Johan, I. R., & Sabri, M. F. (2022). The Influence of Financial Literacy and Attitude Towards Financial Behaviour Amongst Undergraduate Students: A Cross-Country Evidence. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 30(2).
- Kotera, Y., & Ting, S. H. (2021). Positive psychology of Malaysian university students: Impacts of engagement, motivation, self-compassion, and well-being on mental health. *International Journal of Mental Health and Addiction*, 19, 227-239.
- Li, R., Che Hassan, N., & Saharuddin, N. (2023). Psychological capital related to academic outcomes among university students: A systematic literature review. *Psychology research and behaviour management*, 3739-3763.
- Mohd Mansor, S. K., Abd Rahim, S. I., & Zainal, N. H. (2021). Kajian tahap penghayatan solat fardu dan faktor pelaksanaannya dalam kalangan mahasiswa UiTM Shah Alam. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*, 7(2), 79-98.
- Monroy García, F. A., Llamas-Salguero, F., Fernández-Sánchez, M. R., & Carrión del Campo, J. L. (2020). Digital technologies at the pre-university and university levels. *Sustainability*, 12(24), 10426.
- Munir, A., & Muhamad, N. (2019). Cabaran Pembelajaran Pelajar Lepasan Ijazah Pengajian Islam di Malaysia [The Learning Challenges of Post Graduate Students of Islamic Studies in Malaysia]. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporerai*, 20(2), 1-15.
- Okwuduba, E. N., Nwosu, K. C., Okigbo, E. C., Samuel, N. N., & Achugbu, C. (2021). Impact of intrapersonal and interpersonal emotional intelligence and self-directed learning on academic performance among pre-university science students. *Heliyon*, 7(3).
- Omar, M. K., Mohd, I. H., & Ariffin, M. S. (2015). Workload, role conflict and work-life balance among employees of an enforcement agency in Malaysia. *International Journal of Business, Economics and Law*, 8(2), 52-57.
- Pesa, A. K., & Mukhaiyar, R. (2021). Criteria Affecting Readiness Entering the World of Work in Vocational School Students. *Jurnal Ilmiah Pendidikan dan Pembelajaran*, 5(3), 427-434.
- Rahman, A. H. A., Majid, M. A., & Azizan, N. I. (2022). Kaedah Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen Menurut Perspektif Islam: Tinjauan Sorotan Literatur. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(2), 15-33.
- Ramachandiran, M., & Dhanapal, S. (2018). Academic stress among university students: A quantitative study of generation y and z's perception. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 26(3), 2115-2128.
- Razak, T. M. T. A., Alim, N. N. A. A., Kamaruddin, N. K., Lateh, N., & Hashim, N. (2021). Pornografi Dalam Kalangan Remaja Generasi Z Menurut Perspektif Islam: Pornography Among Z Generation Adolescents From The Islamic Perspective. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 8(2), 67-78.

- Zakaria, E., Kamarudin, N. N., Mohamad, Z. S., Suzuki, M., Rathakrishnan, B., Bikar Singh, S. S., ... & Kamaluddin, M. R. (2022). The role of family life and the influence of peer pressure on delinquency: qualitative evidence from Malaysia. *International journal of environmental research and public health*, 19(13), 7846.
- Zan, U. M. S. M., Shahabuddin, F. A., Suradi, N. R. M., Noor, M. M., Hassin, W. S. W., & Shahar, W. S. S. W. Tanggungjawab politik: kajian dalam kalangan pelajar IPTA.